

**MALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
2011 (MCIEA)
15/02/2012**

YB Datuk Seri Shaziman Abu Mansor
Menteri Kerja Raya, Malaysia

YBhg. Datuk Ir Hamzah Hassan
Pengerusi, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia,

YBhg. Tan Sri Dato' Ir Jamilus Hussein Pengerusi Jemaah Hakim MCIEA

Anggota Lembaga Pengarah CIDB, Barisan Jemaah Hakim MCIEA, Wakil-wakil Media,
Dif-dif Kehormat, dan seterusnya, Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian.

Assalamu'alaikum, salam sejahtera dan salam 1Malaysia

(PENDAHULUAN)

1) Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Datuk Seri Shaziman Abu Mansor, Menteri Kerja Raya Malaysia kerana telah menjemput saya untuk menghadiri dan seterusnya menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia 2011 (MCIEA). Saya berasa gembira kerana berpeluang untuk bersama-sama dengan para penggiat industri yang cemerlang dalam majlis MCIEA ini.

2) Saya telah dimaklumkan bahawa para penerima anugerah MCIEA perlu melalui satu proses penilaian yang rapi dan keputusan akhir ditentukan oleh jemaah hakim yang terdiri daripada para penggiat industri pembinaan negara yang terkemuka dan dipengerusikan oleh Tan Sri Jamilus Hussein. Justeru, para penerima Anugerah pada malam ini saya anggap sebagai 'yang terbaik di kalangan yang terbaik' dalam industri pembinaan negara. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pemenang Anugerah MCIEA 2011.

3) I would also like to wish 'Selamat Datang' in extending a warm welcome to all our foreign guests. I hope you will greatly benefit from your participation in the events held in conjunction with the International Construction Week 2012. I also hope that you have the time to enjoy the beauty of our country and the hospitality of our people.

Hadirin sekalian,

(TRANSFORMASI EKONOMI)

4) Pada dua tahun lepas, dunia telah menghadapi kemelesetan ekonomi global yang telah menyebabkan lebih 20 juta penduduk hilang pekerjaan serta kekayaan bernilai trilion dolar. Bukan itu sahaja, malah pengeluaran industri dan pelaburan modal juga telah menunjukkan kemerosotan.

5) Sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia turut merasai kesan kemelesetan ekonomi global ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak berpeluk tubuh ketika masalah kelembapan

ekonomi melanda seluruh Asia, tetapi sebaliknya telah bertindak secara tegas dan pantas. Kerajaan telah menyuntik pakej rangsangan bernilai RM67 bilion bagi mengurangkan kesan bajet defisit dan pada masa yang sama, memenuhi keperluan agenda pembangunan infrastruktur. Demi memacu anjakan ekonomi negara, pelbagai jenis insentif serta inisiatif liberalisasi sektor perkhidmatan yang telah membuka ruang positif kepada Malaysia terhadap peluang pelaburan berkualiti tinggi dalam beberapa sektor ekonomi.

6) Hasilnya, pakej rangsangan yang dilaksanakan telah berjaya menjana ribuan projek infrastruktur sekaligus mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Ekspot negara melonjak semula, pelaburan asing yang berkualiti mula mengalir masuk ke dalam negara dan ini diikuti dengan kepesatan aktiviti oleh sektor swasta.

7) Walaupun negara berada di landasan yang tepat ke arah pemulihan ekonomi, namun usaha Kerajaan tidak berhenti setakat ini sahaja. Kerajaan menyedari tentang perlunya pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang demi kemakmuran negara dan rakyat. Justeru, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah dirangka untuk mentransformasi Malaysia menjadi sebuah negara Ekonomi Berpendapatan Tinggi, dengan pendapatan per kapita mencapai US\$15,000 menjelang tahun 2020. Bagi pelaksanaan ETP ini, dua belas (12) Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) telah dikenalpasti. NKEA ini akan memastikan projek-projek berimpak tinggi, serta sokongan dasar dan insentif daripada Kerajaan dapat disepadukan ke arah membawa negara Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Hadirin sekalian,

(ENTRY POINT PROJECTS DAN PELUANG-PELUANG)

8) Dengan pelaksanaan ETP dan RMKe-10, permintaan bagi perkhidmatan pembinaan dilihat akan terus berkembang dan meningkat ke paras yang lebih tinggi. Justeru, prospek bagi industri pembinaan amat cerah kerana kebanyakan Entry Point Projects (EPP) akan dimulakan pada tahun ini. Sehingga November 2011, sebanyak 55 peratus atau 72 daripada 131 EPP telah dimulakan dengan jumlah komitmen pelaburan yang dipersetujui sebanyak RM177.1 bilion serta unjuran Pendapatan Negara Kasar sebanyak RM237.23 bilion.

9) EPP yang akan dilaksanakan ini akan memberi banyak manfaat kepada penggiat-penggiat industri pembinaan serta juga rakyat secara keseluruhannya. Projek-projek ini melibatkan pelaksanaan serta pelaburan jangka masa panjang. Oleh demikian, bagi menjamin pelaksanaan projek-projek ini secara lancar dan sempurna, adalah penting Kerajaan hari ini terus diberi mandat agar polisi dan komitmen sediaada akan diteruskan demi pembangunan negara.

10) Bagi memanfaatkan semua peluang yang terhasil dari EPP serta projek-projek yang lain, syarikat-syarikat pembinaan disaran supaya lebih fokus, berdaya maju serta berinovasi dan terus bertekad untuk mencapai kecemerlangan secara menyeluruh. Kecemerlangan dalam pembinaan bermakna keunggulan dari segi produktiviti, inovasi, keselamatan, kemapanan, kualiti dan integriti.

Hadirin sekalian,

(PRODUKTIVITI DAN TEKNOLOGI)

11) Pengalaman yang ditimba dari negara-negara maju seperti United Kingdom, Australia, Jepun dan Korea telah menunjukkan bahawa peningkatan tahap produktiviti boleh dicapai dengan ketara melalui mekanisasi dan automasi pembinaan serta penggunaan teknologi termaju yang lain termasuk ICT. Semuanya ini merupakan teknik yang wajar digunapakai bagi mencapai tahap kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi. Bagi mencapai prestasi cemerlang dalam aktiviti pembinaan, saya menyeru kepada semua penggiat industri supaya mempelajari serta menterjemahkan penemuan dan teknologi terbaru dalam industri, kerana bagi saya jalan ini sahaja merupakan survival dalam cabaran globalisasi masa kini. Di China umpamanya, bangunan hotel setinggi 30 tingkat dapat disiapkan dalam masa 15 hari. Begitu lah canggihnya teknologi pembinaan masa kini.

(KESELAMATAN DAN KESIHATAN)

12) Menyentuh tentang aspek Kesihatan dan Keselamatan dalam industri pembinaan pula, saya ingin menggesa industri ini supaya terus mencari kaedah bagi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif untuk pekerja binaan dengan menyediakan tempat kerja yang lebih sihat dan selamat. Kita sedia maklum bahawa sesebuah industri yang sihat dan selamat mempunyai imej yang positif dan akan dapat menarik pekerja tempatan untuk menyertai dan terus kekal bekerja dalam industri.

Ladies and Gentlemen,

(GOING GLOBAL)

13) At this juncture, I wish to deliberate on the subject of going global. Malaysia must strive to be among the best and be able to compete in the global arena. We must continuously strive for excellence. While we should be proud of what we have achieved, we should not be complacent as the world continues to move forward with new technologies, ideas and discoveries. There is no escaping this trend and we must strive to better ourselves and create an even better environment for future generations -- our children and grandchildren.

14) I am pleased to note that the Malaysian construction industry has demonstrated its resilience and competitiveness by winning projects in the global markets traditionally dominated by players from the more advanced countries. Since year 2000 until 2011, Malaysian construction industry players have secured and completed 687 overseas projects worth around RM86 billion. Our involvement in overseas projects should be further enhanced. Malaysian construction companies should use their involvement in Entry Point Projects (EPP) as well as others to build their credentials and enhance their reputation and competitiveness in the international market. The winners of MCIEA should make the bold move of venturing abroad, if they have not done so. This will elevate them from being the best in the local market to striving to become the regional best and eventually, global best.

Hadirin sekalian,

(INISIATIF KERAJAAN UNTUK MEMPERKUKUHKAN INDUSTRI PEMBINAAN)

15) Kerajaan sejak beberapa dekad yang lalu, sememangnya menumpukan kepada pembangunan fizikal yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan memastikan kesejahteraan rakyat didahulukan. Kerajaan hari ini juga akan terus memastikan penglibatan

berterusan dari penggiat industri pembinaan serta membuka peluang-peluang untuk mereka dalam agenda pembangunan Negara. Oleh yang demikian, pada masa ini terdapat banyak syarikat-syarikat pembinaan yang berkemampuan serta berkapasiti untuk melaksanakan projek-projek bukan sahaja di dalam, tetapi juga di luar negara. Dalam merebut peluang yang diberikan, industri pembinaan mestilah meningkatkan prestasi dan kecekapan mereka. Ke arah ini, kerajaan melalui agensi-agensi seperti CIDB akan terus melaksanakan program-program peningkatan kapasiti dan kapabiliti seperti latihan industri, meluaskan jaringan bisnes binaan, menambahbaik proses pembinaan serta mempromosi teknologi pembinaan yang terkini.

16) Baru-baru ini, Kerajaan telah meluluskan Sistem Pendaftaran Tunggal Kontraktor, IROC, untuk memudah dan menyeragamkan pendaftaran kontraktor di bawah satu skim pendaftaran sahaja iaitu pendaftaran CIDB. Pentarafan status Bumiputra, walaubagaimanapun, akan terus dikendalikan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Ini membolehkan PKK menumpukan perhatian yang lebih kepada memberi khidmat tambah nilai dalam pembangunan kontraktor Bumiputra. Kerajaan akan terus membangun program-program lain yang bersesuaian untuk memodenkan industri pembinaan ini supaya industri ini terus memberi impak yang besar dalam pembangunan negara.

Hadirin sekalian,

(PENUTUP)

17) Saya percaya sesebuah industri wajar memberikan pengiktirafan dan penghormatan kepada syarikat dan individu yang telah memberi sumbangan terhadap kemajuan industri dan juga negara kerana ianya akan mendorong pihak lain supaya mencontohi kejayaan berkenaan serta akan memperkukuhkan budaya kecemerlangan. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Kerja Raya dan CIDB kerana berjaya menganjurkan satu acara yang mengiktiraf kecemerlangan dalam industri pembinaan negara.

18) Before I end my speech, I wish to thank our foreign guests for attending this function, and for taking part and contributing to the International Construction Week 2012. I do hope that your stay in this country is productive and enjoyable.

19) Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah MCIEA 2011. Saya berharap semoga pengiktirafan yang diberikan ini akan meniupkan semangat dan memberi dorongan untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi lagi.

Sekian. Terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.